

Soal Hati: Suatu Kajian Korpus*

Rusli Abdul Ghani (rusli@dbp.gov.my)

Zaiton Darois (zaiton6@dbp.gov.my)

Bahagian Penyelidikan Bahasa
Dewan Bahasa dan Pustaka (<http://www.dbp.gov.my>)

*Kertas kerja ini telah dibentangkan dalam Konvensyen Bahasa Kebangsaan 2001 di Hotel Nikko, Kuala Lumpur pada 2-4 Mei 2001.

1.0 SOAL DASAR

Korpus sebagai suatu entiti penelitian dalam linguistik sudah lebih 30 tahun mengakar, semenjak semak teknologi dan samun metodologi pertama kali diredah oleh Brown Corpus (Ku• era dan Francis 1967).

Di Dewan Bahasa dan Pustaka pula, usaha ke arah pembangunan pangkalan data korpus (sesudah ini PDK) bermula pada 1983 dengan Projek Analisis Teks Secara Komputer (Zaiton Ab. Rahman 1987) yang mensasarkan korpus sebesar 2 juta perkataan melalui teknik pensampelan *à la* korpus Brown (ibid.). Saiz sasaran PDK kemudian beranjak kepada 50 juta dan seterusnya 200 juta setelah keperluan leksikografi untuk meneliti teks lengkap dan pelbagai diambil kira.

Hitungan mutakhir PDK DBP ialah sekitar 74 juta perkataan, justeru sasaran 200 juta boleh tercapai seperti yang terencana. Namun, angka tinggal angka andainya tiada usaha dilakukan untuk menggunakan data korpus ini dalam penyelidikan bahasa.

Kami di Bahagian Penyelidikan Bahasa telah mula membuat kajian berasaskan korpus dalam berapa ranah penyelidikan bahasa termasuk penggunaan istilah (Rusli dan Zaiton 2001), terminografi (Rusli dan Hazimah 2001), pemprosesan teks (Rusli dan Nurhafizah 2000), dan penterjemahan (Rusli dan Nurhafizah 2001).

Ada banyak lagi aspek tatabahasa, leksiko-tatabahasa dan ciri wacana yang boleh dan perlu dikaji. Korpus juga boleh dimanfaatkan untuk mengkaji ciri varieti bahasa atau teks seperti laras, stilistika dan linguistik sejarawi (untuk aspek-aspek

kajian khusus dalam linguistik korpus lihat sebagai contoh Boguraev dan Briscoe 1989; Butler 1992; Kennedy 1998; Thomas dan Short 1996.)

Dalam kertas kerja ini kami menelusuri aspek struktur bahasa dan penggunaannya dengan hanya meneliti ‘hati’ (dan terbitannya) sebagai unit leksikal contoh. Soal hati kami sebenarnya berkait dengan soal kamus.

2.0 SOAL DATA

Apa perlunya korpus? Sebenarnya dalam alam perkamusan, penyusun kamus sudah lama menggunakan korpus sebagai asas pemilihan entri, pemecahan dan penghuraian makna. Seawal 1755 lagi, Johnson menggunakan teks-teks autentik untuk mendapatkan contoh penggunaan sebenar bahasa Inggeris. Pada lewat 1800-an, sebilangan teks telah dikumpulkan sebagai persediaan awal penyusunan *Oxford English Dictionary*. Himpunan teks ini telah dibaca oleh lebih daripada 800 sukarelawan yang kemudiannya menyalin dan menghantarkan kutipan-kutipan kepada sidang editor OED. Sejarah inilah yang menunjangi kekuatan OED sebagai kamus umum sejarawi yang ulung.

Tradisi penyusunan ini masih diteruskan sehingga ke hari ini oleh hampir semua penyusun kamus umum. Bezanya sekarang hanyalah komputer. Penurunan kos pengkomputeran telah memungkinkan pengumpulan dan pemprosesan ratusan buku dan ribuan makalah untuk digunakan dalam penyusunan kamus berasaskan komputer (Ooi 1998). Lantaran inilah analisis berasaskan korpus itu dianggap:

- empiris kerana meneliti pola yang terdapat dalam teks sebenar;
- objektif kerana menggunakan himpunan teks, atau korpus, yang pelbagai jenis dan besar saiznya; dan
- praktis dan tuntas kerana sebahagian besar kerja analisis diautomatiskan;

Namun, kajian korpus tidak harus dilihat sebagai penyelesaian segala masalah bahasa tetapi harus dilihat sebagai “...a complementary approach to more traditional approaches, rather than as the single correct approach.” (Biber et al. 1998:9–10)

Untuk meneliti ‘hati’ kami, data yang dimanfaatkan terdiri daripada data akhbar sebagai mewakili data penggunaan kontemporari dan data teks tradisional

sebagai contoh penggunaan bahasa Melayu lama. Saiz dan jenis data tersebut adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 Saiz dan Jenis Korpus

Sub-korpus	Keterangan	Saiz (Juta Perkataan)
1. akhbar	Data teks akhbar Berita Harian, Berita Minggu dan Harian Metro dalam tahun 1999 ¹	4.7
2. teks tradisional	Data teks daripada cerita-cerita Hikayat.	1.1
	Jumlah	5.8

Saiz data yang kami teliti ini sebenarnya relatif besar mengingat bahawa sebuah kamus, CCELD², telah disusun dengan korpus sekitar 20 juta (Sinclair 1987). Namun, bukan saiz sahaja yang menjadi ukuran dalam kajian korpus. Kepelbagaian teks dari segi genre, penulis, peringkat khalayak, bidang ilmu, dan laras juga merupakan kriteria yang perlu dicongakkan dalam reka bentuk sesebuah korpus.

Faktor saiz dan kepelbagaian teks perlu diambil kira untuk mewujudkan PDK yang seimbang dan representatif. Kriteria dan pemberat yang diperlukan untuk menghasilkan korpus representatif harus dikenal pasti terlebih dahulu bagi bahasa yang diteliti (Untuk huraian tentang tipologi korpus lihat Atkins et al. 1992; Summers 1993; Sinclair 1996).

3.0 SOAL PROSES

Data akhbar dan teks tradisional diproses dengan sistem korpus untuk mendapatkan maklumat statistik umum, baris konkordans dan kolokasi, khususnya bagi kata carian 'hati.' Melalui teknik pencarian tertentu kami juga memperoleh semua kata terbitan 'hati.'

¹ Terima kasih kami kepada **Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad** kerana pembekalan data NSTP e-Media dalam bentuk digital. Sumbangan ini amat besar artinya dalam pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu.

² CCELD: *Collins COBUILD English Language Dictionary*, 1987. (Penyusun: J.M. Sinclair *et al.*) Collins: London/Glasgow.

Daripada pemprosesan ini kami memperoleh maklumat tentang kekerapan butiran yang dicari, kolokasi dan bentuk-bentuk terbitan ‘hati’. Aspek makna pula diteliti berdasarkan baris konkordans setiap butiran. Perincian maklumat ini dibincangkan dalam bahagian yang berikutnya.

4.0 SOAL HATI

Soal hati ini kami bincangkan berdasarkan empat persoalan pokok.

4.1 Kekerapan

Apakah kekerapan ‘hati’ relatif terhadap perkataan lain yang berkaitan? Untuk menjawab soalan ini kami mendapatkan kekerapan ‘hati’ dan kata yang seperangkat dengannya (seperti jantung, otak, perut dan kalbu³) dalam teks akhbar dan teks tradisional. Dapatannya seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 Kekerapan Butiran ‘hati’ dan Butiran yang Seperangkat dengannya

Akhbar 1999		Teks Tradisional	
Butiran	Kekerapan	Butiran	Kekerapan
hati	2823	hati	2469
jantung	286	jantung	13
otak	149	otak	50
kalbu	6	kalbu	15
perut	188	perut	81

Ternyata di sini bahawa ‘hati’ merupakan butiran yang paling kerap terdapat dalam kedua-dua himpunan teks. Hakikat ini tidak memberikan apa-apa maklumat linguistik melainkan kolokasi masing-masing diteliti untuk mendapatkan konteks penggunaan setiap butiran.

4.2 Kolokasi

Apakah perkataan yang sering kali muncul bersama-sama hati? Untuk ini kita perlu melihat kolokasi atau ‘persekitaran’ sesuatu butiran itu. Maklumat kolokasi akan memperlihatkan taburan makna dan penggunaan perkataan. Perhatikan Jadual 3 di bawah.

³ ‘Kalbu’ dalam konteks tertentu bersinonim dengan ‘hati’ (ditakrifkan secara sinonimi dalam KD3)

Jadual 3 Kolokasi Kiri Kanan untuk Butiran 'hati' dalam Teks Akhbar (A) dan Teks Tradisional (B)

(A)

Teks Akhbar		Teks Akhbar	
Butiran Kiri	Kekerapan	Butiran Kanan	Kekerapan
puas/berpuas	373	keputusan	24
rasa	74	pihak	22
sagu	32	mengenai	21
memuaskan	21	tindakan	19
mengambil	21	orang	19

(B)

Teks Tradisional		Teks Tradisional	
Butiran Kiri	Kekerapan	Butiran Kanan	Kekerapan
buah	55	baginda	64
suka	37	tuan	46
jenuh	34	kakanda	34
rasa	27	adinda	30
puas	25	beta	26

Apa yang dapat diperhatikan untuk kedua-dua data teks ini adalah bahawa sebahagian besar makna 'hati' merujuk pada yang "batin/perasaan" dan yang "metaforik/figuratif." Hakikat ini menjadi lebih ketara apabila dibandingkan dengan kolokasi untuk butiran lain seperti;

Jantung

sakit jantung	44
penyakit jantung	43
pemindahan jantung	27

Perut

bahagian perut	22
sakit perut	12
isi perut	7

Semua kolokasi untuk jantung dan perut berkait dengan organ fizikal. Perbezaan ini pada zahirnya mencerminkan sesuatu yang ‘istimewa’ tentang kata ‘hati’ dalam budaya Melayu. Persoalan ini perlu kajian yang lebih mendalam untuk mendapatkan jawapannya.

4.3 Kata Terbitan

Apakah bentuk kata terbitan hati? Soalan ini ada kaitan dengan entri dan persembahan kata entri dan sub-entri. Bentuk terbitan ‘hati’ boleh dicari daripada teks dengan menggunakan carian ‘wild card,’ misalnya input *hati* akan memaparkan semua bentuk kata yang ada jujukan –h-a-t-i- .

Dengan cara ini kami memperoleh bentuk-bentuk terbitan seperti yang terdapat dalam Jadual 3.

Jadual 3 ‘Hati’ dan Terbitannya

Akhbar 1999		Teks Tradisional	
Butiran	Kekerapan	Butiran	Kekerapan
hati	2823	hati	2469
memerhatikan	75	memerhatikan	22
-		berhati	21
perhatian	1506	perhatian	17
berhati-hati	503	berhati-hati	1
memperhatikan	3	memperhatikan	5
memerhati	84	memerhati	5
diperhati	21	diperhati	1
diperhatikan	262	diperhatikan	1

Kekerapan bentuk-bentuk terbitan ini akan digunakan oleh ahli perkamusan untuk membina entri dengan mengambil kira morfologi bahasa Melayu.

4.4 Keterangan Makna

Apakah makna yang berkait dengan hati? Dalam hal ini kami meneliti kekerapan munculnya ‘hati’ dalam konteks pemakaiannya yang sebenar kerana aspek pengenalpastian makna perkataan inilah yang menjadi tumpuan perkamusan. Untuk ini baris konkordans dan kolokasi digunakan untuk menampilkan seberapa banyak perbezaan makna.

Hakikat ini ada implikasi dalam penghuraian makna dan penertiban makna. Kamus sejarawi mendahulukan makna terawal dan menyusunkan yang lainnya secara kronologis. Kamus umum kontemporari mendahulukan makna yang paling lazim.

Perhatikan baris konkordans yang berikut yang dikutip daripada teks tradisional;

3747	a	anaknya, "Hai anakku, buah	hati aku; akan sekarang Raja Melak	B00301
1639	k	dan di-chium-nya, `Ya buah	hati chahaya mata kakanda yang ked	B00101
1319	ia	bertanya, `Adek kak, buah	hati kak, tuan datang daripada man	B00094
1289	an	itu, `Ayohai adinda, buah	hati kakanda, tiada-lah dapat kaka	B00034
1231	u	kepala, tuan sa-orang buah	hati kakanda. Sekarang ini, jangan	B00050
2029	ertitah,	'Ayohai chunda buah	hati nenda urat rambut batu kepala	B00096
1688	n	daripada-mu itu, hai buah	hati-ku dan chahaya mata-ku! Ada pun	B00101
1753	ya,	`Wahai anak-ku dan buah	hati-ku, saperti sudah mati hidup pu	B00101
1567	aja,	`Hai nyawa-ku dan buah	hati-ku, tiada dapat kakanda katakan	B00101
335	;	\$\$ 90 Utama jiwa buahan	hati Beradu-lah tuan jangan menang	B06003
1868	i.	Layang2 menyambar bueh,	Hati2 di-padang temu; Kaseh sayang	B00097
3105	memelok	kaki Raja. Bukan-nya	hati Raja itu hendak lembut. Malah	B00174
3102	nggok	juga merayu2 ka- bulan.	Hati Malang gembira entah kerana a	B00174
3231	takut	di-makan oleh burong2	hati hamba itu; kerana hamba sangk	B00124
2268	ng dengki	akan dia dan busok	hati kapada-nya. Maka ia pun berj	B00123
133	adir.	Hai Nurul 'Ain, cahaya	hati kekasihmu yang gila mabuk aka	B40001
166	atahari	dan bulan, dan cahaya	hati Yang Maha Mulia itu pelita ma	B40001
1849	Pangeran	Samudra itu cakara	hati kaula makin berani kerana su	B00081
1848	akyat	andika ini pada cakara	hati kaula sudah gigil hatinya, t	B00081
3082	ekas	besar hatiku carikanlah	hati binatang barang seratus jenis	B00249
3080	n	lekas hati cucu carikanlah	hati segala binatang, demikianlah	B00249
2371	ewa,	`Janganlah anakku cemas	hati. Anakku tiada mengapa kerana	B00121
1497	itu	gila keduanya. Cemburuan	hati aku, takut kalau-kalau dibunu	K00414
3844	rlalu	luas, bergelar Cendera	Hati. Maka adalah dalam kolam itu	B00301
3701	t	perempuan itu cenderunglah	hati Raja Iskandar akan dia. Maka	B4004
2616	ata	Desa beranama Desa Ceraki	Hati kalbu pandang-pandangan Sudah	B00230
2983	l	dunia itu mengurang chahaya	hati manusia. Ada pun di-cherite	B00182
3233	jikalau	boleh engkau charikan	hati keledai, aku makan; nischaya	B00124
2290	esar	hati chuchu charikan-lah	hati segala binatang. Demikian-la	B00123
2296	besar	hati-ku, charikan-lah	hati segala binatang barang sa-rat	B00123

Daripada pemerhatian data teks tradisional hampir keseluruhan penggunaan ‘hati’ berkait dengan makna “perasaan.” Hanya sedikit sahaja yang berkait dengan hati “organ” (sebahagiannya tentang hati haiwan). Hakikat ini mencadangkan bahawa orang Melayu lebih kerap mengenali hati “perasaan” daripada hati “organ.”

Dalam kamus umum, fenomena ini harus digambarkan dengan mengawalkan makna yang lebih dahulu muncul (kalau kamus sejarawi) atau mendahulukan makna yang lebih menonjol (untuk kamus umum moden).

5.0 SOAL KAMUS

Apakah implikasi dapatan penelitian korpus ini terhadap penanganan entri 'hati' dalam kamus. Sebagai contoh, perhatikan entri 'hati' dalam KD3.⁴

KD3 – Entri **hati**

hati I 1. organ dlm badan yg berwarna perang kemerah-merahan terletak di dlm perut di bahagian sebelah kanan (tugasnya mengeluarkan hempedu, mengawal kandungan gula dlm darah, menawarkan kesan keracunan nitrogen, menghasilkan urea, menyimpan glikogen): *jantung*, ~, *limpa*, dll *mengandung zat galian dan vitamin*; ~ *kambing*; ~ *lembu*; **2.** = *jantung* ~ *jantung*: *tidak ada yg menarik perhatiannya selain drpd berita yg mendebarkan -nya*; **3.** batin (tempat perasaan, pengertian, dll): *rupanya sahaja cantik tetapi -nya buruk*; *susah -nya melihat tingkah laku anaknya*; *terbit dr ~ yg ikhlas*; ~ *muda* rasa muda dlm hati; *bercakap (membaca) dlm ~ bercakap (membaca) dgn tidak mengeluarkan suara (dlm batin sahaja)*; *dlm ~ dlm batin, dlm jiwa*; *dr ~ ke ~ secara ikhlas (jujur)*; *ikut(kan) ~ mati* turut(kan) nafsu (perasaan) membawa kebinasaan; *jatuh ~ jatuh cinta, berkenan*; *jauh ~ = kecil ~ = merajuk* ~ merasa tersinggung; *kata ~ kata yg terbit dlm batin*; *kecut ~ merasa takut (bimbang dll)*; *lubuk ~ a* perasaan hati yg dalam, b) bawah sedar; *makan ~ (berulam jantung)* menderita kerana perbuatan orang lain yg menyakitkan hati; *maksud ~ tujuan*; *melepaskan ~ menurutkan hawa nafsu*; *rasa ~ perasaan batin*; *terang ~ mudah mengerti*; **4.** bahagian tengah buah-buahan (pokok dll): ~ *nanas*; ~ *kayu*;

~ *berdetus* Mn menaruh syak curiga; ~ *jantung a* jantung; b) kesayangan (kekasih); ~ *kecil* perasaan dlm batin (maksud yg sebenarnya); ~ *nurani a* hati yg telah mendapat petunjuk Tuhan; b) perasaan hati yg murni dan yg sehalus-halusnya (sedalam-dalamnya); ~ *pekat* keras hati, tetap hati (fikiran dll); ~ *sanubari* perasaan batin; ~ *tangan* lekuk pd telapak tangan; ~ *tawajuh* hati yg dihadapkan semata-mata kpd Tuhan;

...

sehati seia sekata, sepakat: *ia beroleh seorang isteri yg ~ dgn dia*;

berhati 1. mempunyai hati: *beliau ~ keras dan berpendirian tegas*; **2.** = ~ *berjantung* = ~ *kemanusiaan* = ~ *perut* berperasaan yg halus, menaruh belas kasihan;

~ *batu a* bersifat degil, mempunyai keazaman (cita-cita) yg kuat; b) tidak berperikemanusiaan; ~ *berlian (emas)* sangat baik hatinya; ~ *bimbang* berada dlm keadaan gelisah (resah dsb); ~ *binatang* bersifat bengis, tidak mempunyai pertimbangan, tidak berperikemanusiaan; ~ *keras* berpendirian teguh (mempunyai cita-cita yg kuat); ~ *mutu* putus asa (harap); ~ *perut a* mempunyai perasaan (fikiran, kemahuan); b) bertimbang rasa; ~ *pilu* bersedih hati (hiba); ~ *putih* mempunyai niat yg tulus ikhlas (bersih dsb); ~ *rendah* mempunyai tabiat (budi pekerti) yg baik spt pemurah dll; ~ *tungau* penakut; ~ *walang* kkuatir (walang hati); ~ *waja* keras hati.

hati II; hati-hati, berhati-hati memberi perhatian (pertimbangan dsb) yg teliti (sewaktu melakukan sesuatu), berawas-awas, beringat-ingat, hemat, waspada: *haruslah berhati-hati memilih suami; dia sentiasa cermat dan ~; → **perhati***.

⁴ KD3: *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 1994. (Penyusun: T. Iskandar dan DBP). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

hati III; hati-hati sj tumbuhan (pokok renek yg daunnya dibuat ubat sakit perut), bangun-bangun, membangun, *Coleus amboinicus*;

~ *gagah* = ~ *hutan* sj tumbuhan (herba), kerekap air, kodok hutan, *Sonerila heterostemon*; ~ *ketan* sj tumbuhan (pokok renek yg daunnya dibuat ubat sakit perut), tampang besi, tampang besi merah, tampang besi putih, *Callicarpacana*.

KD3 – entri **perhati**

perhati; memerhatikan, memperhatikan 1. mempedulikan, mengendahkan, menaruh minat (pd): *ia tidak ~ sedikit pun kata-kata suaminya itu*; **2.** melihat (memandang, menengok) dgn teliti, mengamat-amati: *ibunya sangat-sangat ~ kelakuannya*; **3.** mengawasi, menjaga, memeriksa: *tugas saya dlm Dewan ini ialah utk ~ bahawa setiap orang mendapat layanan yg sama*; *tuan tidak ~ segala saudagar yg tinggal dlm daerah tuan*;

perhatian perihal menumpukan pandangan (fikiran dsb) pd sesuatu, minat (dan reaksi atau layanan): *mereka memberikan sepenuh ~ pd pelajaran*; *semenjak diterbitkan, buku ini mendapat ~ ahli-ahli bahasa*; *menarik ~ menimbulkan minat (dan reaksi)*; *mengambil ~ mempedulikan*; *~! ~!* (seruan) minta supaya diberi perhatian pd apa yg akan dicakapkan (diumumkan dsb);

pemerhatian perihal memerhatikan, usaha, dsb memerhatikan atau mengamati sesuatu: *setelah diperbuat ~ dan percubaan diketahuilah asal-usul penyakit itu*; ~ *jenis* (Tani) pengamatan, dll yg dilakukan utk menentukan hasil baja (yg terbaik dll); *pd ~ saya berdasarkan apa yg sudah saya perhatikan atau amati*;

pemerhati 1. orang yg mengikuti perkembangan sesuatu: ~ *politik yg objektif akan menyetujui Perdana Menteri*; **2.** orang yg menghadiri persidangan dsb tetapi tidak mengambil bahagian dlm perbincangan dsb.

Dalam KD3, ‘hati’ disenaraikan dalam tiga entri yang berasingan, iaitu **hati I**, **hati II** dan **hati III** (diabaikan kerana tidak bersangkutan). Di samping itu, entri ‘perhati’ turut disenaraikan untuk menangani aspek terbitan daripada kata entri masing-masing biarpun ‘perhati’ tidak wujud sendiri-sendiri sebagai kata yang sah dalam teks melainkan sebagai leksem dalam kamus.

Dalam edisi asalnya, KD⁵ memisahkan **hati I** daripada **hati II** (dengan terbitan **perhatian**, **pemerhatian**, **pemerhati** dan sebagainya dalam **hati II**). (Bandingkan KUBI⁶ yang menangani semua bentuk terbitan ‘hati’ dalam entri tunggal **hati**)

Isu yang utama di sini ialah isu polisemi dan homonimi. Dalam konteks ‘hati’ darjah perbezaan ini kadang-kadang terasakan dibuat-buat. Penelitian korpus sekurang-kurangnya dapat meleraikan beberapa kekusutan yang timbul dalam penyenaian entri.

⁵ KD: *Kamus Dewan*, 1970. (Penyusun: T. Iskandar). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

⁶ KUBI: *Kamus Umum Bahasa Indonesia*, 1976. (Penyusun: W.J.S. Poerwadarminta). Balai Pustaka: Jakarta.

Selain itu, korpus juga dapat menampilkan bentuk-bentuk kata majmuk dan penggunaan metaforik atau figuratif yang belum disenaraikan dalam kamus.

Selain itu, makna atau contoh penggunaan baru juga dapat diserlahkan oleh korpus yang besar dan pelbagai. Sebagai contoh, dalam teks sains perubatan dan biologi kerap ditemui makna harfiah ‘hati’, iaitu hati sebagai organ dalam badan (padanan bahasa Inggerisnya *liver* dan istilah teknikalnya ‘hepar’) biarpun dalam teks akhbar atau teks tradisional hakikat ini tidak terpapar. Perhatikan baris-baris yang berikut;

Data Teks Biologi

2 ut yang sebenar. Ia mempunyai hati, pundi hempedu dan salur hemp	BM1000
3 injap berlingkar (Rajah 5.3), hati, hempedu dan pankreas. v	BM1000
4 lnya kepala, salur pemakanan, hati, ginjal dan ekor. Darah tak b	BM1000
5 an ke seluruh bahagian badan. Hati adalah tempat menyimpan semen	BM1000
6 dapat banyak kelenjar lendir. Hati adalah besar dan memanjang ha	BM1000
7 apat di antara cuping- cuping hati dan mengeluarkan rembesan hat	BM1000
8 ati dan mengeluarkan rembesan hati yang mengalir melalui salur h	BM1000
9 gi menyempurnakan pencernaan. Hati dan pankreas membuka ke usus	BM1000
10 ri dan permukaan dalam cuping hati. Telur pertama yang dikeluark	BM1000

Data Teks Perubatan

1 iferi dan menyerang sel-sel hati. Dalam hati kitaran pre-eritr	B35003
2 menyerang sel-sel hati. Dalam hati kitaran pre-eritrositik berla	B35003
3 aran eksoeritrositik di dalam hati sehingga 5 tahun dan menyebabkan	B35003
4 boleh menjadi dorman di dalam hati sehingga satu tahun sebelum	B35003
5 aran pre-eritrositik di dalam hati, akhirnya menghasilkan mero	B35003
6 an bermigrasi ke paru-paru, hati, limpa, mata dan mesenteria da	B35003
7 ah ditentukan sehingga puas hati. v. Reka suatu teknik pemer	B35005
8 gan kucing. Dia tidak senang hati, tanpa mempunyai sebab terte	K00439
9 sel darah, buah pinggang dan hati. Selalunya ini akan berlaku	K00423
10 akan dialirkan oleh darah ke hati pada mulanya. Di sini ubat a	K00423
11 juga ubat yang termusnah di hati sebelum ia dikumuhkan. Bagi	K00423
12 berapa contoh makanan seperti hati, ayam, keju, beberapa jenis	K00423

Dalam teks pertanian pula, selain penggunaan ‘hati’ dengan makna “organ” terdapat juga ‘hati’ dengan makna “teras atau bahagian tengah” untuk bahagian-bahagian tumbuhan, seperti yang diperlihatkan oleh ‘hati kubis’ dan ‘hati sayur kubis’.

Data Teks Pertanian

1	n juga untuk penjagaan kulit, hati dan buah pinggang. Asid lemak	BT0800	
2	berhati-	hati. Melonggok dan membakar semu	T08005
3	tem salur darah dan dibawa ke	hati. Gas juga dihasilkan semasa	T08007
4	tisu, otot dan organ, seperti	hati. Haiwan yang tiada cukup men	T08007
5	nggota badan tidak seimbang,	hati yang banyak lemak dan juga ke	T08007
6	lang boleh menjangkiti usus,	hati, paru-paru dan jantung serta	T08007
7	orek masuk sehingga ke dalam	hati sayur kubis dan memakan bahag	T08009 *
8	gga tinggal urat sahaja. Jika	hati kubis diserang, maka pokok i	T08009 *
9	s alga hijau, lumut dan lumut	hati, liken dan kulat jelaga. Apa	T08004
10	utama \$\$\$27 sekali dalam organ	hati, peparu dan ginjal (Rajah 11	K00551
11	n fluk Fasciola ke atas organ	hati lembu dan kerbau. Penyakit i	K00551
12	ni didapati merosakkan organ	hati, menyebabkan haiwan menjadi	K00551
13	70 hingga 80% daripada organ	hati yang didapati tidak sesuai s	K00551
14	terdapat siput perumah. Organ	hati selalunya menjadi keras oleh	K00551
15	aki, jantung, mata, otak dan	hati. Haiwan yang terlibat akan ma	K00551
16	an tempat-tempat lain sesuka	hati. Jika mengalami kesukaran, da	T08003

Justeru, dalam makna 4 **hati I** (KD3) boleh dimasukkan maklumat ini sebagai

tambahan contoh dalam huraian yang diberikan.

Selain itu, makna 2 *jantung* ~ bukan bermakna jantung sahaja tetapi ada juga makna lain seperti “yang disayangi atau yang bernilai.” Perhatikan konkordans di bawah;

1146	:	"Anak-ku sa-bagai jantung hati dan biji mata-ku telah di-bu	B00074
1068		i chahaya mata dan jantung hati-nya. Beliau terus keluar berjal	B00074
2665		kanlah niat di dalam jantung hati adinda hendak melihat wajah	B00183
2501		esralah bawa ke dalam jantung hati baginda. Dengan beberapa dis	B00214
52		Potonglah olehmu akan jantung hati naga ini." Maka parang puting	B06006
51		erut naga itu mencari jantung hati naga itu hendak dipotongnya.	B06006
53		ting itu pun memotong jantung hati naga itu. Maka naga tui pun	B06006
2518		pun telah menerusi ke jantung hati sehingga mesralah ke dalam o	B00214
3360		"Aduhai anakanda si jantung hati, Ketahuilah wahai kemala sit	B00127

6.0 KESIMPULAN

Soal korpus merupakan soal hati kami di Bahagian Penyelidikan Bahasa kerana korpus menjadi teras kepada setiap kajian dan kegiatan penyelidikan bahasa. Kami berharap huraian ringkas di atas dapat memperlihatkan kemungkinan-kemungkinan yang bermanfaat untuk kajian bahasa, khususnya perkamusan.

Namun, dalam rangka pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu kami tidak sepenuhnya berpaut pada korpus. Dalam hal ini kami menumpang kebijaksanaan Summers (1996:266) yang berpegang pada cogan kata ‘*Corpus-based, but not corpus-bound.*’

Bibliografi

- Atkins, S., Clear, J. dan Ostler, N. 1992. 'Corpus Design Criteria.' *Literary and Linguistic Computing* 7:1–16.
- Boguraev, B. dan Briscoe, T. (editor) 1989. *Computational Lexicography for Natural Language Processing*. Wiley: New York & Longman: London.
- Butler, C.S. (editor) 1992. *Computers and Written Texts*. Blackwell: Oxford.
- Garside, R., Leech, G. dan McEnery, A. (ed) 1997. *Corpus Annotation*. Longman: London & New York.
- Kennedy, G. 1998. *An Introduction to Corpus Linguistics*. Longman: London & New York.
- Ku• era, H. dan Francis, W.N. 1967. *Computational Analysis of Present-Day American English*. Brown University Press: Providence, R.I.
- Oakes, M.P. 1998. *Statistics for Corpus Linguistics*. Edinburgh University Press: Edinburgh.
- Ooi, V.B.Y. 1998. *Computer Corpus Lexicography*. Edinburgh University Press: Edinburgh.
- Rusli Abdul Ghani dan Hazimah Yusof 2001. 'Penggunaan Istilah Teknologi Maklumat dan Komunikasi: Suatu Kajian Berdasarkan Teks Akhbar Harian'. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Cabaran Penulisan Sains dan Teknologi dalam Alaf Baru*, 25–26 April 2001, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rusli Abdul Ghani dan Nurhafizah Mohamed Husin 2000. 'Melayari Samudera Maya, Mencari Mutiara Kata: Suatu Metodologi Pemerolehan Kata Baru Berdasarkan Korpus.' Kertas Kerja yang dibentangkan dalam *Persidangan Linguistik Asean 1* 14-16 November 2000, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rusli Abdul Ghani dan Nurhafizah Mohamed Husin 2001. 'Kim vs Kim: Kajian Leksis Berdasarkan Analisis Teks Selari.' Kertas Kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Sehari Jabatan Bahasa Melayu dan Terjemahan*, 7 Februari 2001, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rusli Abdul Ghani dan Zaiton Darois 2001. 'Istilah Sains dalam Teks Bacaan Umum.' Dalam *Rampak Serantau*, Bil. 8/2001:67–83.

- Sinclair, J. 1991. *Corpus, Concordance, Collocation*. Oxford University Press: Oxford.
- Sinclair, J. 1996. "Preliminary Recommendations on Corpus Typology." EAG-TCWG-CTYP/P. Mei 1996. EAGLES. 23 Desember 2000 <<http://www.ilc.pi.cnr.it/EAGLES96/corpusstyp/corpusstyp.html>>
- Sinclair, J.M. (editor) 1987. *Looking Up. An Account of the COBUILD Project in Lexical Computing*. Collins: London/Glasgow.
- Summers, D. 1996. 'Computer Lexicography: The Importance of Representativeness in Relation to Frequency.' Dalam Thomas dan Short (ed.) *Using Corpora for Language Research*. hlm. 260–266.
- Thomas, J. dan Short, M. (ed) 1996. *Using Corpora for Language Research*. Longman: London & New York.
- Wilks, A.Y, Slator B.M., dan Guthrie L.M. 1996. *Electric Words: Dictionaries, Computers, and Meanings*. MIT Press: Cambridge, Mass.
- Zaiton Ab. Rahman 1987. Kertas Rancangan Projek Analisis Teks Secara Komputer. Cawangan Penyelidikan, DBP (Tidak diterbitkan).